

# **VARIASI ALIRAN TAFSIR DI ANDALUS PADA ERA KERAJAAN MUWAHHIDUN (540H/1142M – 667H/1268M): SATU TINJAUAN AWAL**

**(Variation of Quranic Commentary in Andalus during Muwahhidun Era (540H/1142M – 667H/1268M): A Preliminary Study)**

Oleh:

Muhamad Alihanafiah Norasid\*

Mustaffa Abdullah\*\*

## **Abstrak**

*Kertas kerja ini akan mengupas variasi aliran tafsir di Andalus pada era kerajaan Muwahhidun (540 –667H). Topik kajian ini dipilih bagi mendedahkan sumbangan tokoh-tokoh tafsir Andalus dengan menonjolkan paradigma pemikiran mereka menerusi karya-karya yang dihasilkan. Justeru, aliran tafsir ini akan dikupas secara ringkas dengan menyorot perbincangan terhadap empat aliran tafsir yang utama iaitu Tafsir al-Athari oleh Ibn `Atiyyah, tafsir bi al-Ra'y oleh Ibn Rushd, Tafsir al-Sufi oleh Ibn `Arabi, dan Tafsir al-Fiqhi oleh Ibn al-`Arabi dan Imam al-Qurtubi. Kepelbagaiannya pola pemikiran yang dimanifestasikan di dalam karya tafsir al-Qur'an di Andalus sekaligus menyaksikan bahawa wilayah Asbania tersebut telah mencapai satu standard yang begitu unggul dalam aspek pemugaran budaya ilmu yang saling melengkapi antara satu sama lain pada era pemerintahan kerajaan Muwahhidun. Toleransi dan keterbukaan yang wujud dalam kalangan para mufassir Andalus seharusnya dicontohi bahkan diimplementasikan di dalam sistem pendidikan negara bagi menatihahkan dinamika pendidikan yang sofistikated di peringkat nasional.*

**Kata kunci:** *Tafsir di Andalus, Muwahhidun, Ibn Rush, Ibn Arabi, al-Qurtubi*

## **Abstract**

*This paper will discuss variations of Quranic commentary in Andalus during Muwahhidūn era (540-667H). This topic was chosen to reveal the contribution of Andalus's exegetes highlighting the paradigm of thinking through the works they produced. Thus, the flow of this interpretation is discussed briefly by highlighting the four main commentaries, Tafsir al-Athari by Ibn `Atiyyah, tafsir bi al-Ra'y by Ibn Rushd, Tafsir al-Sufi by Ibn `Arabi, and Tafsir al-Fiqhi by Ibn al-`Arabi and al-Imam al-Qurtubi. Diversity patterns of thought manifested in the works of Quranic commentary in Andalus thus seen that the Asbania region had reached a standard that is really unique in terms of cultural accumulation of knowledge that complement each other in the era of Muwahhidūn. Tolerance and openness that exists among the Andalus's exegetes should be emulated even implemented in the*

---

\* Muhamad Alihanafiah Norasid merupakan calon Doktor Falsafah, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: imtiaz\_alhuffaz@siswa.um.edu.my

\*\* Mustaffa Abdullah, PhD, adalah Prof. Madya dan Timbalan Pengarah (Ijazah Tinggi), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: mustaffa@um.edu.my.

*national education system for the sophisticated dynamics results in education at the national level.*

**Keywords:** *Quranic commentary, Andalus, Muwahhidun, Ibn Rush, Ibn Arabi, al-Qurtubi*

## Pengenalan

Sejarah perkembangan tafsir al-Qur'an telah bermula dengan kukuh di bawah didikan dan pengajian yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Pengajian tafsir al-Qur'an ini terus-menerus berkembang dan dikemudi oleh para sahabat serta *tabi'in*, kemudian dilatari pula dengan ciri-ciri perubahan yang berlaku di dalam dunia Islam sejarah dengan kitaran zaman dan tuntutan umat Islam itu sendiri. Pembukaan wilayah-wilayah baru Islam serta pengintegrasian bangsa Arab dengan bukan Arab telah mendorong kelompok intelek dalam kalangan para *mufassir* menjalankan pentafsiran al-Qur'an menurut transisi yang lebih dinamik, sesuai dengan keperluan semasa dan kepakaran masing-masing tanpa mengabaikan kerangka metodologi tafsir yang sebenar.<sup>1</sup>

Disiplin ilmu tafsir ini telah berjaya disebarluaskan dengan begitu cemerlang di wilayah Arab sehingga merentasi benua Afrika dan Eropah di Andalus. Potret sejarah telah melakarkan bahawa Andalus merupakan sebuah wilayah pertapakan Islam yang memiliki lunas-lunas ketamadunan yang berupaya menggugah dunia di dalam cerminan beberapa abad bermula pada abad pertama Hijrah sehingga abad kelapan Hijrah.<sup>2</sup> Keunggulan Islam di semenanjung wilayah Iberia<sup>3</sup> tersebut disaksikan dengan warna-warni disiplin ilmu dari pelbagai bidang yang telah berupaya menerobos spektrum kehidupan penduduk lokaliti dengan begitu drastik sehingga berupaya melahirkan masyarakat yang progresif. Pengajian ilmu tafsir pastinya menjadi salah satu cabang ilmu fundamental yang bertapak seterusnya berkembang pesat di Andalus selain teras ilmu hadith, Bahasa Arab, falsafah, perubatan, astronomi dan sebagainya.<sup>4</sup>

## Kerajaan Muwahhidun Sebagai Pusat Kegiatan Keilmuan

Menyorot kembali sejarah peradaban dunia Islam, maka nama-nama kerajaan besar Islam seperti kerajaan Bani Umayyah, kerajaan Bani 'Abbasiyyah, kerajaan Turki 'Uthmaniyyah dan sebagainya tidak kurang popularnya malah ia diselidiki

<sup>1</sup> Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim al-(t.t.), *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*, Hani al-Haj (ed.), al-Qahirah: Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, j. 2, h. 35.

<sup>2</sup> Mahmoud Makki(1994), "The Political History of al-Andalus (92/711-897/1492)", "The Legacy of Muslim Spain Jurnal", Salma Khadra Jayyusi (ed.), Leiden ; Boston : Brill, j. 1, h. 3.

<sup>3</sup> Iberia dipetik daripada perkataan *Iberio* iaitu sebuah bangsa yang mula-mula menghuni di wilayah pertapakan Andalus. Ia terletak di barat daya Eropah, meliputi negara Sepanyol, Andorra, Gibraltar, dan sebahagian negara Perancis. Sila lihat [http://en.wikipedia.org/wiki/Iberian\\_Peninsula](http://en.wikipedia.org/wiki/Iberian_Peninsula).

<sup>4</sup> Salmah Omar(2009), *Andalus; Semarak Tamadun Eropah*, Shah Alam: Karisma Publication, h. 45.

secara terus-menerus oleh para pencinta sejarah dan peradaban Islam. Hal ini dilakukan menerusi penggalian semula rahsia-rahsia kegemilangan Islam yang terdapat dalam sesebuah tamadun tersebut. Tidak ketinggalan juga kerajaan *Muwahhidun* yang tidak asing lagi dalam kalangan para pengkaji, justeru ia disifatkan sebagai sebuah kerajaan Islam yang begitu unggul bertapak bukan sahaja di utara Maghribi, malah merangkumi sebahagian besar wilayah Andalus di Asbania. Daerah Seville telah dijadikan pusat pemerintahan kerajaan *Muwahhidun*<sup>5</sup>.

Kerajaan *Muwahhidun* berasal dari sebuah gerakan revolusi yang dipimpin oleh Muhammad bin Tumart al-Mahdi pada tahun pada tahun 529 Hijrah. Perkataan *Muwahhidun* dipetik daripada kalimah *wahhada* yang bermaksud ‘mentauhidkan’. Memandangkan perjuangan gerakan ini berasaskan perjuangan ketauhidan beraliran *Asya'irah*<sup>6</sup>, maka gerakan tersebut sinonim dengan panggilan *Muwahhidun* oleh para pendokongnya.<sup>7</sup> Dalam pada itu juga, Muhammad Ibn Tumart al-Mahdi telah mengisyiharkan bahawa beliau merupakan Imam *Mahdi al-Muntazar* yang *ma'sum*. Dengan pengisytiharan tersebut, maka pengaruhnya telah berjaya disebarluaskan di Andalus dan di utara Maghribi, dan suku *Masmudah*<sup>8</sup> telah mengikat janji setia untuk tunduk kepada pemerintahannya.<sup>9</sup> Pada peringkat permulaan gerakan *Muwahhidun*, ia memperjuangkan dasar-dasar keagamaan dengan slogan *Amar Ma'ruf Nahi Munkar* sebelum ia berkembang kepada pertubuhan entiti politik bagi membentuk sebuah negara berautonomi.<sup>10</sup> Gerakan ini sangat berpengaruh di Andalus kerana pada akhir-akhir pemerintahan kerajaan *Murabitun*,<sup>11</sup> pemerintah *al-Murabitun* tidak mampu untuk menghadapi

<sup>5</sup> Maruwiah Ahmat(2003), *Sejarah Bani Umayyah di Andalus*, Shah Alam: Karisma Publication, h. 82-83.

<sup>6</sup> *Asya'irah* ialah aliran ilmu kalam yang telah dipelopori oleh seorang sarjana dari Kota Basrah di Iraq, iaitu

Abu Hasan al-Asy'ari (m. 324 H). Aliran mazhab *al-Asya'irah* ini telah berkembang dengan pesat di seluruh dunia seterusnya menjadi suatu aliran ilmu kalam dan pegangan akidah yang sah dan disepakati menurut *jumhur* kaum *Sunni*. Sila lihat Badri Khaeruman(2004), *Sejarah Perkembangan Tafsir al-Qur'an*, t.t.p: t.p, h. 127.

<sup>7</sup> 'Adnan Fa'iq 'Anbatawi(1989), *Hikayatuna fi al-Andalus*, Beirut: al-Mu'assasah al-'Arabiyyah li-al-Dirasat wa al-Nasyr, h. 103.

<sup>8</sup> *Masmudah* merupakan sebuah suku yang merangkumi sebahagian besar populasi penduduk di utara benua Afrika khususnya di negara Maghribi dan barat Algeria. Kebanyakan suku *Masmudah* menetap di sekitar pergunungan Atlas di Afrika Utara. Sila lihat: <http://ar.wikipedia.org/wiki>.

<sup>9</sup> Muraji' 'Aqilah al-Ghinay, Dr(1988), *Qiyam Dawlah al-Muwahhidin*, Naghazi, Afrika: Mansyurat Jami'ah Qaryunis, h. 228.

<sup>10</sup> Muhammad 'Abd Allah 'Inan(1964), 'Asr al-Murabitin wa al-Muwahhidin fi al-Maghrib wa al-Andalus, al-Qahirah: Matba'ah Lajnah al-Ta'lif wa al-Tarjamah wa al-Nasyr, h. 157-158.

<sup>11</sup> Kerajaan *Murabitun* terdiri daripada kumpulan bangsa Barbar dari Sahara, dan kerajaan ini telah berkembang sehingga ke utara dan barat Afrika dan juga ke semenanjung Iberia pada kurun ke-11 Masihi. Ia merupakan salah sebuah kerajaan yang berpemerintahan sendiri pada era pemerintahan *Muluk al-Tawa'if* selain kerajaan *Zirriyyah*, *Muwahhidun* dan *Nasriyyah*. Pusat pemerintahan

ancaman tentera Kristian ekoran berlakunya persengketaan sesama para pemerintah Islam di Andalus. Mereka sering menjadikan isu-isu *furu'* di dalam ibadah sebagai pokok perbahasan selain memencarkan perbincangan terperinci seputar ilmu Usuluddin. Justeru, Muhammad Ibn Tumart telah menyongsong paradigma ulama' fiqh Maliki Andalus ketika itu dengan membawa satu gagasan islah agar kembali kepada penekanan ilmu Usuluddin berasaskan al-Qur'an, al-Sunnah, *Ijma'* *al-Sahabat*, dan *Qawl Ahl al-Madinah*,<sup>12</sup> seterusnya menyatukan rakyat Andalus bagi menentang tentera Kristian.

Setelah Muhammad bin Tumart meninggal dunia, pemerintahan *Muwahhidun* telah diganti oleh anaknya, 'Abd al-Mu'min yang berasal daripada suku *Masmudah*. Kerajaan ini telah membuka Andalus selepas kejatuhan kerajaan *Murabitun* dan ia telah mendapat sokongan padu daripada penduduk Maghribi kerana penubuhan kerajaan *Muwahhidun* tidak berasaskan sentimen perkauman<sup>13</sup>. Kerajaan *Muwahhidun* telah diperintah oleh lima orang Amir iaitu 'Abd al-Mu'min (529H), Abu Ya'qub Yusuf I (562H), Abu Ya'qub al-Mansur (580H), Muhammad al-Nasir (595H) dan Abu Ya'qub Yusuf II (610 – 620H).<sup>14</sup> Keruntuhan kerajaan ini adalah berpunca daripada penjajahan yang telah dikemudi oleh tentera Kristian pada zaman pemerintahan Abu Ya'qub Yusuf II dan ia sekaligus melenyapkan kekuasaan pemerintahan *Muwahhidun* yang berpusat di Seville.<sup>15</sup> Sungguhpun terdapat siri-siri penentangan oleh tentera Kristian telah berlangsung pada era kerajaan *Muwahhidun*, hal tersebut ternyata tidak menghalang perkembangan kegiatan keilmuan di Andalus untuk dibangunkan dengan begitu cemerlang pada era terbabit.

Kegiatan keilmuan dari pelbagai sektor kehidupan dilihat begitu berkembang subur pada era pemerintahan *Muluk al-Tawa'if*<sup>16</sup> khususnya pada abad keenam Hijrah, iaitu pada period pemerintahan kerajaan *Muwahhidun*. Ini diperakui sendiri oleh Profesor Philip K. Hitti yang berpandangan bahawa zaman keemasan keilmuan Andalus telah berlangsung pada sekitar abad ke-11 dan 12 Masihi bersamaan abad kelima dan keenam Hijrah.<sup>17</sup> Diskusi dan persoalan demi

kerajaan ini ialah di Maghribi.. manakala pengasasnya ialah Yusuf bin Tasyfin. Sila lihat 'Adnan Fa'iq Anbatawi(1989), *op.cit.*, h. 102.

<sup>12</sup> Muraji' 'Aqilah al-Ghinay, Dr(1988), *op. cit.*, h. 201.

<sup>13</sup> Maruwiah Ahmat(2003), *op. cit.*, h. 82.

<sup>14</sup> Tilmisani, Ahmad Muhammad al-Maqqari al-(1968), *Nafh al-Tib min Ghasn al-Andalus al-Ratib, Ihisan*

'Abbas, Dr.(ed.), Beirut: Dar Sadir, j. 4, h. 378-383.

<sup>15</sup> Ibadi, Ahmad Mukhtar al-(1978), *Fi Tarikh al-Maghrib wa al-Andalus*, c. 1. Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 83.

<sup>16</sup> Kerajaan *Muluk al-Tawa'if* merupakan kerajaan kecil (Parti Raja-raja atau Raja-raja Puak) yang didokong

oleh suku masing-masing serta penduduk setempat. Mereka berhasrat ingin memerintah secara bersendirian sekaligus berpisah dengan pemerintahan pusat Andalus di Cordova. Sila lihat Maruwiah Ahmat(2003), *op. cit.*, h. 74.

<sup>17</sup> Hitti, P. K.(1970), *Islam: A Way of Life*, London: University of Minnesota Press, h. 112.

persoalan telah dirancakkan khususnya di dalam majlis-majlis yang diselenggara di istana para penguasa dan rumah-rumah ulama'.<sup>18</sup> Sikap mementingkan pemerkasaan ilmu oleh kerajaan *Muwahhidun* sebagai pembangun peradaban disaksikan dengan gemblengan usaha kerajaan dalam mengumpulkan para cendekiawan dari seluruh dunia bagi mengisi keperluan tenaga pendidik di institusi-instisusi pengajian tinggi yang telah dibina secara pesat pada era terbabit.<sup>19</sup> Serentak dengan kemasukan aliran *Asya'irah* di Andalus pada era kerajaan *Muwahhidun* yang telah dibawa oleh pengasasnya, secara tidak langsung babit-babit aliran ilmu kalam mula bertapak seterusnya mendapat tempat dalam kalangan masyarakat dan para sarjana.<sup>20</sup> Di antara tokoh-tokoh sarjana Islam terkemuka Andalus pada era tersebut ialah Ibn Tufayl (m. 581H) dan Ibn Rushd<sup>21</sup> (m. 594H) sebagai ahli falsafah Islam, Ibn 'Arabi (m. 638H) dan Ibn Sab'in<sup>22</sup> (m. 669H) sebagai ahli *tasawwuf*, Ibn 'Asfur (m. 669H) sebagai pakar bahasa, Ibn Zuhr<sup>23</sup> (m. 595H) sebagai ahli perubatan Islam, Ibrahim Ibn Sahl (m. 649H) sebagai seorang sasterawan, Ibn Bassal sebagai pakar botani, al-Qurtubi (m. 671H) dan Ibn 'Atiyyah (m. 542H) sebagai tokoh tafsir, dan sebagainya.<sup>24</sup> Kemasukan aliran-aliran sufi, *zahiri*,<sup>25</sup> ahli kalam, falsafah, dan sains Islam pada dinasti tersebut membuktikan bahawa kerajaan *Muwahhidun* mengamalkan dasar pintu terbuka dan bersikap lebih demokratik dalam proses menyemarakkan

<sup>18</sup> Imam Fuadi, Dr(2005), *Pendidikan Islam Andalusia, Kajian Sejarah Islam Sepanyol*, Surabaya: Penerbit eLKAf, h. 82.

<sup>19</sup> Salmah Omar(2009), *op. cit.*, h. 21.

<sup>20</sup> 'Adnan Fa'iq 'Anbatawi(1989), *op. cit.*, h. 103.

<sup>21</sup> Ibn Rushd merupakan seorang tokoh falsafah Islam di Andalus pada abad keenam Hijrah. Beliau telah menghafaz al-Qur'an sejak berumur 10 tahun dan pernah menjadi kadi di Seville, Andalus. Falsafah Aristotle sangat memberi pengaruh kepada idea falsafah beliau. Beliau meninggal dunia pada tahun 594 Hijrah. Sila lihat Ibn Rushd, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad(1982), *Falsafah Ibn Rushd*, c. 1. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, h. 6.

<sup>22</sup> Nama sebenar Ibn Sab'in ialah Abu Muhammad 'Abd al-Haq bin Sab'in, digelar sebagai Qutb al-Din, dilahirkan di Murcia, iaitu satu daerah di tenggara Andalus. Pemikiran yang telah dibawa mengenai sufi menyebabkan sebahagian orang di zamannya telah menyesatkannya. Sila lihat Lutfi 'Abd al-Badi', Dr (1969), *Al-Islam fi Asbania*, c. 2, al-Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 64.

<sup>23</sup> Merupakan tokoh perubatan terkenal di Andalus. Telah menghasilkan enam buah karya perubatan dan karya beliau yang terpenting ialah *al-Taysir fi al-Murawah al-Tadbir*. Karya ini mengandungi perbincangan seputar penyakit scabies, batu karang, penyakit telinga, dan sebagainya. Sila lihat Salmah Omar(2009), *op. cit.*, h. 160-161.

<sup>24</sup> Lutfi 'Abd al-Badi', Dr(1969), *op. cit.*, h. 71-74.

<sup>25</sup> Aliran *zahiri* merupakan suatu aliran yang melihat kepada literasi ayat al-Qur'an dan sunnah dalam mengeluarkan hukum dan pentafsiran al-Qur'an. Pengasas bagi aliran ini ialah Dawud Ibn Khalaf (m. 270H). Di Andalus, aliran ini telah dipelopori oleh Ibn Hazm al-Andalusi. Nama panjang beliau ialah 'Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazm al-Andalusi. Beliau dilahirkan di bandar Cordova pada 384 Hijrah. Sila lihat Kathnuni, 'Abd al-Salam Ahmad al-(1981), *al-Madrasah al-Qur'aniyyah fi al-Maghrib min al-Fath al-Islami ila Ibn 'Atiyyah*, c. 1. Al-Ribat: Maktabah al-Ma'arif, h. 219.

pengetahuan dari pelbagai lapangan<sup>26</sup> berbanding kerajaan Islam sebelumnya, *al-Murabitun* yang rata-ratanya berparadigma *fiqh al-Maliki*, serta kurang meraikan perkembangan aliran lain, bahkan menentang kemasukan aliran ilmu kalam.<sup>27</sup>

Penulisan karya-karya dan usaha-usaha penterjemahan karya juga sangat rancak djalankan pada era kerajaan *Muwahhidun*. Karya-karya seperti *Hayy Ibn Yaqazan* yang dikarang oleh Ibn Tufayl (m. 581H), *Tahafut al-Tahafut* oleh Ibn Rushd (m. 594H), dan *Dalalah al-Ha'irin* oleh Ibn Maimun (m. 600H) sememangnya tidak asing lagi malah ia telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa seperti Bahasa Inggeris dan Sepanyol<sup>28</sup>. Begitu juga karya *Zahr al-Bustan wa Nuzhah al-Adhhan* yang dikarang oleh Muhammad bin Malik al-Taghnari, ia merupakan sebuah karya besar yang mengandungi 360 bab, dan memaparkan perbincangan disiplin ilmu botani dan pertanian secara terperinci.<sup>29</sup> Ekoran perledakan ilmu di Andalus yang begitu mengagumkan pada era terbabit, akhirnya Andalus telah menjadi salah sebuah pusat pengaliran ilmu terkemuka ke Eropah bermula sejak abad ke-9 sehingga abad ke-13 Masihi dan aktiviti-aktiviti penterjemahan ke dalam bahasa Latin begitu rancak dilakukan.<sup>30</sup> Sicily dan Andalus dijadikan sebagai jambatan penghubung di antara tamadun Islam dan Eropah, memandangkan Andalus merupakan satu-satunya pertapakan Islam yang berkedudukan di wilayah Barat.<sup>31</sup>

Proses penterjemahan telah dilakukan oleh para sarjana Eropah yang berhijrah ke Andalus menerusi pengajian-pengajian di universiti, seperti di universiti Cordova. Hugh of Santala (m. 1145M) merupakan antara salah seorang penterjemah Eropah di Andalus pada era kerajaan *Muwahhidun* di samping bekerja sebagai ahli kimia dan astronomi. Antara karya yang telah diterjemahkan oleh beliau ke dalam bahasa Latin termasuklah komentar al-Biruni mengenai karya al-Farghani.<sup>32</sup> Masjid-masjid telah dijadikan pusat utama pengajian, dan tenaga-tenaga pengajar dari kalangan khatib, qari al-Qur'an, imam, dan ulama' telah diberikan gaji. Era pemerintahan *Muwahhidun* juga telah menyaksikan kuliah-kuliah ilmu begitu subur di kawasan berhampiran istana.<sup>33</sup> Kecintaan kepada ilmu pengetahuan, menghormati para ilmuwan dan memuliakan mereka telah ditonjolkan oleh pemerintah kerajaan *Muwahhidun*, antaranya sebagaimana yang telah dilakukan

<sup>26</sup> Muhammad 'Abd al-Hamid 'Isa(1982), *Tarikh al-Ta'lif fi al-Andalus*, c. 1, (t.t.p.): Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 198-199.

<sup>27</sup> Seorang Amir *Murabitun*, Yusuf bin Tasyfin telah menyifatkan bahawa segala pemerintahan tidak akan dilaksanakan melainkan setelah merujuk kepada para *fujahah*' dalam memutuskan sesuatu resolusi. *Fiqh Maliki* ditekankan dengan begitu serius melibatkan perbahasan persoalan-persoalan *furu'* sehingga memalitkan perhatian mereka kepada al-Qur'an dan sunnah sebagai teras kerangka Usuluddin. Sila lihat *ibid.*, h. 174-175.

<sup>28</sup> Salmah Omar(2009), *op. cit.*, h. 39-40.

<sup>29</sup> *Ibid.*, h. 43.

<sup>30</sup> Lutfi 'Abd al-Badi', Dr(1969), *op. cit.*, h. 152. Lihat juga Imam Fuadi, Dr(2005), *op. cit.*, h. 156.

<sup>31</sup> Salmah Omar(2009), *op. cit.*, h. 47.

<sup>32</sup> *Ibid.*, 110.

<sup>33</sup> Muhammad 'Abd al-Hamid 'Isa(1982), *op. cit.*, h. 207.

oleh 'Abd al-Mu'min bin 'Ali yang merupakan pemerintah pertama kerajaan tersebut.<sup>34</sup>

Tuntasnya, pemerintahan wilayah Andalus di bawah naungan kerajaan *Muwahhidun* telah membuka dimensi baru dalam kegiatan keintelektualan apabila pemerintah kerajaan tersebut telah memberi ruang yang begitu luas bagi perkembangan ilmu *aqal* dan falsafah tanpa mengongkong paradigma rakyat untuk bermazhab Maliki semata-mata. Nyatanya, kemasukan aliran *ahl al-Kalam*, perkembangan mazhab *zahiri* serta sufi, kepesatan sains Islam, kerancakan aktiviti penterjemahan ke dalam pelbagai bahasa, dan sebagainya menjadi bukti kukuh bahawa aktiviti keilmuan pada era kerajaan *Muwahhidun* telah mencapai tahap yang membanggakan. Ini ditambah pula dengan sokongan padu pemerintah dalam pembangunan institusi-institusi pengajian di samping kecintaan mereka kepada ilmu dan ulama' dan hal ini sekaligus menjadi titik-tolak kepada pemugaran budaya ilmu di Andalus. Dasar pintu terbuka dan tidak wujud dualisme di antara ilmu dunia dengan akhirat serta ilmu *naqal* dengan *aqal*, memberikan hak yang saksama kepada semua golongan kelas tanpa prejedis terhadap agama dan bangsa tertentu akhirnya menatijahkan kesepadan ilmu serta dinamika pendidikan yang komprehensif di wilayah tersebut.<sup>35</sup>

### **Sejarah Kemunculan Aliran Tafsir di Andalus pada Era Kerajaan Muwahhidun**

Tempoh dan era perkembangan tafsir Al-Qur'an di Andalus sebagai satu komponen disiplin ilmu yang tersusun agak sukar untuk ditentukan secara spesifik. Ini kerana, perkembangan pelbagai cakupan ilmu telah berlaku secara serentak, seterusnya hal tersebut mendorong para sarjana Islam menguasai segala disiplin ilmu secara menyeluruh. Secara lumrahnya, apabila seseorang cendekiawan Islam di Andalus terkenal dengan kepakaran dalam sesebuah cabang ilmu agama, secara tidak langsung mereka juga memiliki kepakaran di dalam jurusan ilmu yang lain. Apabila melihat kepada biografi mereka, didapati bahawa kebanyakan tokoh tersebut akan digambarkan sebagai seorang yang pakar di dalam pelbagai bidang keilmuan seperti pakar fiqh, ahli hadith, pakar tafsir al-Qur'an, pakar bahasa, dan hal ini sering kali dinyatakan di dalam kitab-kitab sejarah dan biografi ulama' Andalus.<sup>36</sup>

Rentetan daripada pembukaan Andalus oleh tentera Islam pada akhir abad pertama Hijrah, maka pengajian Islam mula diserap masuk ke dalam sistem pendidikan di Andalus. Sungguhpun sejarah perkembangan tafsir Al-Qur'an tidak dapat ditentukan secara khusus pada period tertentu, namun dapatlah disimpulkan

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 202.

<sup>35</sup> Salmah Omar(2009), *op. cit.*, h. 24.

<sup>36</sup> Masyini, Mustafa Ibrahim al-(1986), *Madrasah al-Tafsir fi al-Andalus*, c. 1. Beirut: Mu'assasah al-Risalah,  
h. 79.

bahawa ilmu ini mula bertapak di Andalus seiring dengan penerimaan rakyat Andalus terhadap agama Islam. Menurut Syams al-Din Muhammad 'Ali al-Dawudi (m. 945H) menerusi karyanya *Tabaqat al-Mufassirin*,<sup>37</sup> bilangan ahli tafsir yang dapat dikenal pasti di Andalus pada era pemerintahan Islam melebihi 75 orang.<sup>38</sup> Anjakan serta gelombang perkembangan ilmu di Andalus semakin menyerlah sehingga pada tahun 201 Hijrah, maka lahirlah seorang tokoh terkemuka tafsir yang mempelopori perkembangan tafsir al-Qur'an di Andalus<sup>39</sup> iaitu Baqi Ibn Makhlad<sup>40</sup> (m. 276H), diikuti beberapa tokoh tafsir terkemuka yang lain seperti Makki Ibn Abi Talib al-Qaisi<sup>41</sup> (m. 437H).

<sup>37</sup> Kitab *Tabaqat al-Mufassirin* karangan al-Dawudi ialah kitab yang mengumpulkan tokoh-tokoh *mufassir* dunia dari kurun pertama Hijrah sehingga awal kurun ke-10 Hijrah. Sila lihat Dawudi, Shams al-Din Muhammad

'Ali al-(2008), *Tabaqat al-Mufassirin*, 'Ali Muhammad 'Umar, Dr.(ed.), c. 2, al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> Muhammad 'Abd al-Hamid 'Isa(1982), *op. cit.*, h. 284.

<sup>40</sup> Nama penuh beliau ialah Baqi Ibn Makhlad Ibn Yazid al-Qurtubi al-Andalusi. Dilahirkan pada bulan Ramadan tahun 201 Hijrah. Merupakan seorang imam yang zuhud, kuat beribadah, dan pakar dalam ilmu tafsir dan hadith. Seorang yang tekun mencari ilmu dengan melakukan rehlah ilmiah ke beberapa buah negara untuk bertemu dengan 'ulama' seperti Yahya Ibn Bukair di Mesir, Hisyam Ibn 'Ammar di Damsyik, Imam Ahmad Ibn Hanbal di Baghdad, dan lain-lain. Bilangan gurunya menjangkau 284 orang, namun guru yang sering didampingi oleh beliau ialah Imam Ahmad Ibn Hanbal. Beliau adalah orang yang memainkan peranan penting dalam menyebarkan hadith-hadith di Andalus, di samping menjadi pelopor kepada ilmu musnad di Andalus. Sila lihat Kathnuni, 'Abd al-Salam Ahmad al-(1981), *op. cit.*, j. 1, h. 152. Lihat juga Azdi, 'Abd Allah Ibn Muhamad Ibn Yusuf Ibn Nasir al-(1997), *Tarikh 'Ulama' al-Andalus*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 83.

<sup>41</sup> Dilahirkan pada bulan Sya'ban 355 Hijrah. Pakar di dalam bidang 'ulum al-Qur'an dan tafsir, serta ilmu Bahasa Arab. Telah berguru dengan beberapa ulama' terkemuka pada zamannya, antaranya Abu Muhammad Ibn Abi Zaid, Abu al-Hasan al-Qabis. Beliau menyampaikan ilmunya di masjid-masjid di samping menjadi khatib dan imam. Menurut I;bn Basykuwal, beliau telah mengarang 80 karya, antaranya berjudul *I'rab al-Qur'an*, *al-Mujaz fi al-Qira'at*, *al-Tabsirah*, dan sebagainya. Sila lihat Dawudi, Syams al-Din Muhammad 'Ali al-(2008), *op. cit.*, j. 2, h. 277-278.

<sup>42</sup> Muhammad 'Abd al-Hamid 'Isa(1982), *op. cit.*, h. 178.

<sup>43</sup> Nama penuh beliau ialah Muhammad Ibn 'Abd Allah al-Ma'afiri al-Andalusi al-Ishbili. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Ibn al-'Arabi. Beliau dilahirkan di Seville, Andalus pada tahun 468 Hijrah, dan beliau sangat berpegang teguh kepada mazhab Maliki. Antara bidang pengetahuan yang telah dikuasainya ialah ilmu fiqh dan kaerah penentuan hukum, ilmu hadith dan perawi hadith, ilmu tafsir, peradaban Islam dan syair, dan sebagainya. Antara gurunya dan tempat beliau menuntut ilmu ialah Abu al-Hasan Ibn Musyrif dan Abu Hasan Ibn Dawud al-Farisi di Mesir, Abu Nasr al-Maqdisi, Abu Hamid al-Ghazali, dan Abu Sa'id al-Rahawi di Syam, Ibn al-Tuyuri, Ja'far Ibn Ahmad al-Siraj, dan Abu Zakaria al-Tibrizi di Baghdad, dan lain-lain. Dalam bidang tafsir, karyanya yang terpenting ialah *Ahkam Al-Qur'an* dan *Al-Qanun fi Tafsir Al-Qur'an al-'Aziz*. Dalam ilmu hadith pula, beliau telah mengarang kitab *Al-Masalik fi Syarh Muwatta' Malik*, dan kitab *'Aridah al-Ahwadhi 'ala Kitab al-Tirmidhi*. Adapun di dalam bidang fiqh dan usul fiqh, karyanya yang terkenal ialah *Al-Mahsul fi Usul al-Fiqh*. Sila lihat Mani' 'Abd al-Halim Mahmud(1978), *Manahij al-Mufassirin*, c. 1. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misri, h. 112-113.

<sup>44</sup> *Tafsir al-fiqhi* ialah pentafsiran yang menumpukan ayat-ayat hukum berhubung dengan ilmu fiqh untuk menghuraikan pentafsiran ayat yang juga dipanggil sebagai tafsir ayat-ayat hukum. Kandungan tafsir mengikut pendekatan fiqh lazimnya dipenuhi dengan pandangan-pandangan para fuqaha' dan *muftahid* dalam membahaskan sesuatu isu di dalam al-Qur'an. Sila lihat Sa'ud 'Abd Allah al-

Pada era kerajaan *Muwahhidun*, perkembangan intelektual yang begitu segar di wilayah Andalus menyaksikan kemunculan beberapa aliran tafsir yang dipengaruhi oleh aliran pemikiran tokoh-tokoh sarjana Islam Andalus. Bermula pada abad keenam Hijrah, aliran pemikiran seperti falsafah, *tasawwuf*, *fiqh Maliki*, *athari* (*salafi*), dilihat telah menerobos ke dalam pengajian tafsir al-Qur'an dan ia telah mempengaruhi penduduk setempat.<sup>42</sup> Golongan cendekiawan dan intelek muslim telah menonjolkan idea dan mencitrakan gagasan pemikiran mereka ke dalam beberapa penulisan karya tafsir dan juga karya-karya lain dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an berkaitan. Antara pemetaan pemikiran para sarjana Islam di dalam penulisan ketika itu ialah aliran pemikiran *fiqh al-Maliki* yang telah dijelajuri oleh Ibn al-'Arabi<sup>43</sup>(m. 543H). Beliau merupakan antara

---

Fanyasan(1997), *Ikhtilaf al-Mufassirin, Asbabuhu wa Atharuh*, c.1. Riyadh: Markaz al-Dirasat wa al-Ilam, h. 49.

<sup>40</sup> Nama penuh beliau ialah 'Abd al-Haq Ibn Ghalib Ibn 'Atiyyah al-Andalusi al-Gharnati al-Maliki. Beliau dilahirkan di Granada, Andalus pada tahun 481 Hijrah dan membesar di sana. Beliau seorang yang pakar dalam ilmu tafsir, fiqh, hadith, bahasa Arab, dan peradaban Islam. Al-Suyuti telah berkata mengenai beliau: "'Abd al-Haq Ibn 'Atiyyah merupakan imam besar yang menjadi contoh teladan kepada ahli tafsir yang lain." Bapanya merupakan gurunya yang paling utama dalam bidang Al-Qur'an dan hadith. Karyanya yang termasyur ialah mengenai ilmu tafsir. Karya *Al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz* merupakan karya tafsir *bi al-Ma'thur* yang terulung di Andalus. Sila lihat 'Abd al-Wahhab 'Abd al-Wahhab Fayid(1973), *Manhaj Ibn 'Atiyyah fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*, Al-Hai'ah al-Ammah li Syu'un al-Matabi' al-Amriyyah, h. 4-5.

<sup>40</sup> *Tafsir bi al-Ma'thur* atau *al-Tafsir al-Athari* merupakan pentafsiran al-Qur'an dengan menggunakan ayat al-Qur'an yang lain dan sabda-sabda Nabi s.a.w., dan juga kata-kata sahabat, manakala 'ulama' berselisih pendapat mengenai kata-kata tabi'in sama ada kata-kata mereka dikategorikan sebagai *tafsir bi al-Ma'thur* ataupun tidak. Sila lihat Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim al-(t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 25.

<sup>40</sup> Nama penuh beliau ialah Abu Bakr Muhy al-Din Muhammad Ibn 'Ali Ibn Muhammad Ibn Ahmad Ibn 'Abd Allah al-Hatimi al-Ta'i al-Andalusi. Beliau dikenali dengan gelaran Ibn al-'Arabi (dengan awalan *al-*) di negeri 'Abd Allah Ibn Muhamad Ibn Yusuf Ibn Nasir al-(1997), *Tarikh 'Ulama' al-Andalus*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 83.

<sup>41</sup> Dilahirkan pada bulan Sya'ban 355 Hijrah. Pakar di dalam bidang 'ulum al-Qur'an dan tafsir, serta ilmu Bahasa Arab. Telah berguru dengan beberapa ulama' terkemuka pada zamannya, antaranya Abu Muhammad Ibn Abi Zaid, Abu al-Hasan al-Qabis. Beliau menyampaikan ilmunya di masjid-masjid di samping menjadi khatib dan imam. Menurut I;bn Basykuwal, beliau telah mengarang 80 karya, antaranya berjudul *I'rab al-Qur'an, al-Mujaz fi al-Qira'at, al-Tabsirah*, dan sebagainya. Sila lihat Dawudi, Syams al-Din Muhammad 'Ali al-(2008), *op. cit.*, j. 2, h. 277-278.

<sup>42</sup> Muhammad 'Abd al-Hamid 'Isa(1982), *op. cit.*, h. 178.

<sup>43</sup> Nama penuh beliau ialah Muhammad Ibn 'Abd Allah al-Ma'afiri al-Andalusi al-Ishbili. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Ibn al-'Arabi. Beliau dilahirkan di Seville, Andalus pada tahun 468 Hijrah, dan beliau sangat berpegang teguh kepada mazhab Maliki. Antara bidang pengetahuan yang telah dikuasainya ialah ilmu fiqh dan kaedah penentuan hukum, ilmu hadith dan perawi hadith, ilmu tafsir, peradaban Islam dan syair, dan sebagainya. Antara gurunya dan tempat beliau menuntut ilmu ialah Abu al-Hasan Ibn Musyrif dan Abu Hasan Ibn Dawud al-Farisi di Mesir, Abu Nasr al-Maqdisi, Abu Hamid al-Ghazali, dan Abu Sa'id al-Rahawi di Syam, Ibn al-Tuyuri, Ja'far Ibn Ahmad al-Siraj, dan Abu Zakaria al-Tibrizi di Baghdad, dan lain-lain. Dalam bidang tafsir, karyanya yang terpenting ialah *Ahkam Al-Qur'an* dan *Al-Qanun fi Tafsir Al-Qur'an al-'Aziz*. Dalam ilmu hadith pula, beliau telah mengarang kitab *Al-Masalik fi Syarh Muwatta' Malik*, dan kitab *'Aridah al-Ahwadhi 'ala Kitab al-Tirmidhi*. Adapun di dalam bidang fiqh dan usul fiqh, karyanya yang terkenal ialah *Al-Mahsul fi Usul al-Fiqh*. Sila lihat Mani' 'Abd al-Halim Mahmud(1978), *Manahij al-Mufassirin*, c. 1. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misri, h. 112-113.

tokoh tafsir yang telah mengarang kitab tafsir al-Qur'an 30 juzu' yang berjudul *Ahkam al-Qur'an* pada era terbabit dengan mengetengahkan aliran tafsir *fiqh al-Maliki*<sup>44</sup>. Seterusnya, Ibn 'Atiyyah<sup>45</sup> (m. 541H) juga telah memainkan peranan sebagai *mufassir* agung telah menghasilkan kitab tafsir 30 juzu' yang berjudul *Al-Muharrar al-Wajiz*. Beliau telah menggunakan pendekatan *tafsir bi al-Ma'thur*<sup>46</sup> yang berpandukan al-Qur'an, hadith dan *athar* dalam mentafsirkan ayat al-Qur'an. Sejarah perkembangan aliran tafsir seterusnya telah dilakar oleh Muhy al-Din Ibn 'Arabi<sup>47</sup> (m. 638H) yang telah mengarang karya *Tafsir al-Qur'an al-Karim* dengan memuatkan aliran *Tafsir al-Sufi*<sup>48</sup> di dalam karya tafsir 30 juzu' karangan

<sup>44</sup> *Tafsir al-fiqhi* ialah pentafsiran yang menumpukan ayat-ayat hukum berhubung dengan ilmu fiqh untuk menghuraikan pentafsiran ayat yang juga dipanggil sebagai tafsir ayat-ayat hukum. Kandungan tafsir mengikut pendekatan fiqh lazimnya dipenuhi dengan pandangan-pandangan para fuqaha' dan *mufti* dalam membahaskan sesuatu isu di dalam al-Qur'an. Sila lihat Sa'ud 'Abd Allah al-Fanyasan(1997), *Ikhtilaf al-Mufassirin, Asbabuhi wa Atharuh*, c.1. Riyad: Markaz al-Dirasat wa al-I'lam, h. 49.

<sup>45</sup> Nama penuh beliau ialah 'Abd al-Haq Ibn Ghalib Ibn 'Atiyyah al-Andalusi al-Gharnati al-Maliki. Beliau dilahirkan di Granada, Andalus pada tahun 481 Hijrah dan membesar di sana. Beliau seorang yang pakar dalam ilmu tafsir, fiqh, hadith, bahasa Arab, dan peradaban Islam. Al-Suyuti telah berkata mengenai beliau: "'Abd al-Haq Ibn 'Atiyyah merupakan imam besar yang menjadi contoh teladan kepada ahli tafsir yang lain." Bapanya merupakan gurunya yang paling utama dalam bidang Al-Qur'an dan hadith. Karyanya yang termasyur ialah mengenai ilmu tafsir. Karya *Al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz* merupakan karya tafsir *bi al-Ma'thur* yang terulung di Andalus. Sila lihat 'Abd al-Wahhab 'Abd al-Wahhab Fayid(1973), *Manhaj Ibn 'Atiyyah fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*, Al-Hai'ah al-'Ammah li Syu'un al-Matabi' al-Amriyyah, h. 4-5.

<sup>46</sup> *Tafsir bi al-Ma'thur* atau *al-Tafsir al-Athari* merupakan pentafsiran al-Qur'an dengan menggunakan ayat al-Qur'an yang lain dan sabda-sabda Nabi s.a.w., dan juga kata-kata sahabat, manakala 'ulama' berselisih pendapat mengenai kata-kata tabi'in sama ada kata-kata mereka dikategorikan sebagai *tafsir bi al-Ma'thur* ataupun tidak. Sila lihat Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim al-(t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 25.

<sup>47</sup> Nama penuh beliau ialah Abu Bakr Muhy al-Din Muhammad Ibn 'Ali Ibn Muhammad Ibn Ahmad Ibn 'Abd Allah al-Hatimi al-Ta'i al-Andalusi. Beliau dikenali dengan gelaran Ibn al-'Arabi (dengan awalan *al-*) di negeri-negeri sebelah barat seperti Maghribi, dan dengan gelaran Ibn 'Arabi (tanpa awalan *al-*) di negeri-negeri sebelah timur untuk membezakan beliau dengan Abu Bakr Muhammad bin 'Abd Allah Ibn al-'Arabi yang juga merupakan tokoh tafsir Andalus, sementara di wilayah Andalus, beliau dikenali sebagai Ibn Suraqah. Beliau dilahirkan pada 560 Hijrah. Beliau menetap di Seville pada tahun 568 Hijrah selama kira-kira 30 tahun dan telah berguru di sana dalam pelbagai ilmu pengetahuan. Antara ilmu yang dipelajarinya ialah hadith, *tasawwuf*, tafsir, dan lain-lain. Dalam bidang al-Qur'an dan *qira'at*, guru-gurunya yang terkenal ialah Abu Bakr Muhammad Ibn Khalaf al-Lakhmi al-Ishbili dan Abu al-Hasan bin Muhammad bin Syarif al-Ra'i. Dalam bidang fiqh, sejarah, dan hadith pula ialah Muhammad bin Sa'id bin Ahmad Ibn Zarqun, Abu Bakr Muhammad bin Yahya bin al-Jad. Antara karya-karya yang dihasilkan olehnya ialah *Al-Futuhat al-Makkiyyah* yang membincarkan prinsip-prinsip metafizik, kitab *Fusus al-Hikam, Insy'a al-Dawa'ir, Tarjuman al-Asywaq, Misykat al-Anwar*, dan lain-lain. Dalam bidang tafsir, penulis mendapati karyanya ialah *Aja'ib al-'Irfan fi Tafsir Ijaz al-Bayan fi Tarjamah 'an al-Qur'an dan Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Sila lihat Qarni, 'Abd al-Hafiz Farghali 'Ali al-(1986), *Al-Sayykh al-Akbar Muhy al-Din Ibn al-'Arabi Sultan al-'Arifin*. Al-Qahirah: Al-Hai'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab, h. 25.

<sup>48</sup> Menurut pandangan Dr. Muhammad Hussayn al-Dhahabi, *tafsir al-sufi* terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

1. *Tafsir al-Sufi al-Nazari* – Pentafsiran yang berdasarkan penyelidikan teori dan ilmu falsafah. Lazimnya golongan yang menggunakan metodologi ini melihat pentafsiran al-Qur'an seiring dengan teori yang dibawa oleh mereka dan bertepatan dengan keilmuan mereka.

2. *Tafsir al-Sufi al-Isyari* atau *al-Faydi* – Pentaksilan ayat al-Qur'an dengan melihat makna di sebalik ayat al-Qur'an mengikut kehendak isyarat-isyarat tersembunyi yang dizahirkan kepada ahli ilmu, dan

beliau. Imam Ahmad Ibn Abi Bakr Ibn Farh al-Qurtubi<sup>49</sup> (m. 671H) turut menyumbang kepada perkembangan pengajian tafsir al-Qur'an di Andalus. Beliau telah mengarang sebuah karya tafsir 30 juzu' yang berjudul *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*<sup>50</sup> dengan mendedahkan aliran *fiqh al-Maliki* ketika membahaskan ayat-ayat hukum. Terdapat juga tokoh-tokoh yang mengetengahkan aliran pemikiran mereka dengan memetik beberapa potongan ayat al-Qur'an untuk dimuatkan di dalam karya yang dihasilkan seperti Ibn Rushd (m. 594H) yang mengetengahkan aliran *tafsir bi al-Ra'y al-Falsafi*<sup>51</sup> di dalam karyanya *Al-Fasl al-Maqal*. Jelasnya, perkembangan aliran pemikiran pada era pemerintahan *Muwahhidun* yang begitu rancak nyatanya memberi impak kepada corak pentafsiran al-Qur'an, lalu membawa kepada kemunculan beberapa aliran tafsir di Andalus.

Dari pihak sorotan sejarah yang telah dipaparkan, dapatlah ditegaskan bahawa ilmu tafsir mula bertapak di Andalus sebagai satu disiplin ilmu yang khusus pada kurun ketiga Hijrah, kemudian berkembang pada kurun kelima Hijrah, seterusnya mencapai kemajuannya pada kurun keenam Hijrah rentetan daripada penghasilan karya tafsir oleh Ibn 'Atiyyah, dan akhirnya mencapai kemuncak kegemilangannya pada kurun ketujuh dan kelapan Hijrah yang menyaksikan ciri-ciri, metodologi dan aliran-aliran pemikiran para ahli tafsir yang tersendiri. Ternyata era kegemilangan pengajian tafsir tersebut telah berlangsung pada era kerajaan *Muwahhidun* yang mencorak senario pengajian dan kepelbagaiannya aliran tafsir.

Menelusuri aliran tafsir *al-athari* di Andalus pada era kerajaan *Muwahhidun*, maka karya tafsir *al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz* oleh Ibn 'Atiyyah (m. 541H) dianggap sebagai salah sebuah tafsir yang berdasarkan manhaj

---

pentafsiran yang dilakukan perlulah mempunyai perkaitan dengan zahir ayat. Sila lihat Dhahabi, Muhammad Hussayn al-(2000), *Al-Tafsir wa al-Mufassirun*, c. 1, Beirut: Dar al-Yusuf, j. 2, h. 367 & 381.

<sup>49</sup> Nama beliau ialah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abu Bakr Ibn Farh al-Ansari al-Khazraji al-Maliki al-Qurtubi. Tarikh kelahirannya tidak dapat dikenal pasti kerana tiada sumber sejarah yang menyatakan tarikh kelahiran beliau. Penjelajaran beliau menuntut ilmu tidaklah meliputi pelbagai negara. Selain wilayah Andalus, beliau hanya mengembawa ke negara Mesir untuk menuntut ilmu. Antara guru-guru yang tersohor dari Mesir ialah Ibn Rawaj, dan, al-Syaykh Abi al-'Abbas Ahmad Ibn 'Umar al-Qurtubi. Manakala guru-guruunya di Andalus ialah Rabi' bin 'Abd al-Rahman bin Ahmad bin Ubai al-Asy'ari, Abu 'Amir Yahya bin 'Abd al-Rahman al-Asy'ari, dan lain-lain. Karyanya dalam bidang tafsir ialah *Jami' Ahkam Al-Qur'an wa al-Mubayyin lima Tadammahu min al-Sunnah wa Ai al-Furqan*. Selain itu, beliau turut mengarang beberapa kitab lain, antaranya kitab *al-Tadhkirah bi Umur al-Akhira*, dan kitab *Qam'u al-Hirs bi al-Zuhd wa al-Qana'ah wa Dhal al-Su'al bi al-Kutub wa al-Syafa'ah*. Sila lihat Masyhur Hasan Mahmud Salman(1993), *Al-Imam al-Qurtubi: Syaykh A'imma al-Tafsir*, c. 1. Damsyik: Dar al-Qalam li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi', h. 14.

<sup>50</sup> Masyini, Mustafa Ibrahim al-(1986), *op.cit.*, h. 80-82.

<sup>51</sup> *Tafsir bi al-Ra'y al-Falsafi* ialah mentafsiran ayat al-Qur'an dengan menggunakan pendekatan akal berasaskan teori-teori falsafah dan kajian tertentu. Sila lihat Dhahabi, Muhammad Hussayn al-(2000), *op. cit.*, j. 2, h. 451.

*tafsir bi al-Ma'thur*.<sup>52</sup> Aliran tafsir ini telah muncul sejak abad ketiga Hijrah ketika era pemerintahan Bani Umayyah kerana rata-rata masyarakat pada era tersebut berparadigma *Ahl al-Hadith* melainkan pada era tersebut tidak terdapatnya satu karya tafsir khusus secara jelas menonjolkan aliran *tafsir bi al-Ma'thur* atau *Athari*. Akhirnya pada era pemerintahan *Muwahhidun*, aliran ini telah dicetuskan oleh Ibn 'Atiyyah di dalam karya tafsir beliau secara khusus. Karya tafsir ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri, antaranya terhindar daripada perkara bid'ah, penghuraian yang mantap, serta penggunaan bahasa dan ayat yang mudah.<sup>53</sup> Justeru, menurut Muhammad Safa' Syaykh Ibrahim Haqqi,<sup>54</sup> ia merupakan antara karya tafsir yang terbaik untuk dijadikan rujukan. Al-Suyuti telah menyatakan pandangan mengenai tafsir beliau: "Ibn 'Atiyyah telah menghasilkan karya tafsirnya dengan baik, dan kitabnya itu menjadi sebenar-benar bukti yang menunjukkan ketokohan beliau dalam ilmu bahasa Arab dan bidang-bidang lain." Ibn Juzzay al-Gharnati pula telah berpandangan bahawa: "Karya tafsir Ibn 'Atiyyah adalah sebaik-baik susunan. Karya ini menyemak karya-karya sebelumnya dan diringkaskan di samping penggunaan ayat yang baik dan menjaga tuntutan sunnah."<sup>55</sup> Ibn 'Atiyyah sangat mengambil berat mengenai penghasilan tafsirnya dengan sentiasa menyatakan sumber rujukan yang diguna pakai olehnya dan mengutamakan pandangan yang *rajih* dan tepat di samping mengutamakan bahasa Arab sebagai perbahasan.<sup>56</sup>

Abad ketiga hingga kelima Hijrah menyaksikan bahawa rata-rata masyarakat Andalus berpegang teguh kepada mazhab Maliki di dalam pengamalan ibadah. Sikap taksub yang melanda kebanyakan masyarakat Andalus telah mendorong khalifah Al-Hakam Ya'qub mengeluarkan perintah supaya membakar kitab-kitab *fiqh al-Maliki*.<sup>57</sup> Pada abad kelima Hijrah, kerajaan *Murabitun* telah menjadikan mazhab Maliki sebagai mazhab rasmi kerajaan dan mereka kurang bersikap terbuka dalam menerima kemasukan mazhab lain.<sup>58</sup> Disebabkan pengaruh mazhab Maliki begitu meluas di Andalus, maka tidak hairanlah ia sedikit sebanyak telah mempengaruhi kebanyakan *mufassir* Andalus, justeru mereka sering mengeluarkan pandangan yang dipetik daripada mazhab Maliki ketika mengulas ayat-ayat hukum yang terkandung di dalam al-Qur'an. Pada era terbabit juga, Ibn al-'Arabi (m. 543H) yang begitu berpegang teguh kepada mazhab Maliki telah

<sup>52</sup> Rumi, Fahd Ibn 'Abd al-Rahman Sulayman al-(1996), *Al-Sijl al-'Ilmi li al-Nadwah al-Andalus: Manhaj Al-Madrasah al-Andalusiyah fi al-Tafsir: Sifatuhu wa Khasa'isuh*, c. 1. Matbu'at Maktabah al-Malik 'Abd al-'Aziz al-'Ammah, h. 224.

<sup>53</sup> Muhammad Safa' Syaykh Ibrahim Haqqi(2004), *'Ulum al-Qur'an min Khilal Muqaddimat al-Tafsir*, c. 1. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, h. 370.

<sup>54</sup> Muhammad Safa' Syaykh Ibrahim Haqqi merupakan pensyarah tafsir dan 'ulum al-Qur'an di Universiti Al-Imam Muhammad Sa'ud al-Islamiyyah, Arab Saudi.

<sup>55</sup> Fauzi Deraman & Mustafa Abdullah (2006), *Pengantar Usul Tafsir*, c. 2. Penerbit Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 88.

<sup>56</sup> Tayyar, Musa'id Ibn Sulayman Ibn Nasir, al-(2006), *Al-Tafsir al-Lughawi li al-Qur'an al-Karim*, c. 2. Dar Ibn al-Jawzi, h. 221.

<sup>57</sup> Rumi, Fahd Ibn 'Abd al-Rahman Ibn Sulayman, al-(1996), *op. cit.*, h. 197.

<sup>58</sup> Muhammad 'Abd al-Hamid 'Isa(1982), *op.cit.*, h. 174.

menghasilkan karya tafsir bernuansakan perbincangan *fiqh Maliki* khususnya ketika merungkai perbahasan ayat-ayat hukum lantaran beliau merupakan salah seorang *fuqaha' Maliki* terkemuka di Andalus.<sup>59</sup>

Pentafsiran yang terdapat dalam karya tafsir Ibn al-'Arabi iaitu *Ahkam al-Qur'an* mengenai hukum fiqh diibaratkan sebagai satu ensiklopedia fiqh yang lengkap bagi mazhab Maliki.<sup>60</sup> Walau bagaimanapun, pada akhir hayat Ibn al-'Arabi, beliau sempat melalui era pemerintahan kerajaan *Muwahhidun* sungguhpun kerajaan *Muwahhidun* menentang keras terhadap mereka yang bersikap ta'asub kepada mazhab Maliki<sup>61</sup>. Dalam usaha mengembangkan pemahaman fiqh Maliki di dalam karya tafsir, Ibn al-'Arabi banyak memuatkan pandangan ulama' yang bermazhab Maliki dalam sesuatu permasalahan hukum. Beliau turut membentangkan pendapat-pendapat ulama' mazhab lain mengenai perbincangan sesuatu isu dengan mengemukakan hujah-hujah mereka, namun beliau telah mentarjih pandangan yang dikemukakan oleh mazhab Maliki ketika membahaskan sesuatu hukum fiqh.<sup>62</sup> Ibn al-'Arabi turut menggunakan sumber *al-Istihsan wa al-Maslahah*, amalan ahli madinah, fatwa-fatwa sahabat, dan beberapa sumber lain bagi menentukan sesuatu hukum selain meletakkan al-Qur'an dan sunnah sebagai sumber utama.<sup>63</sup>

Pembukaan Andalus oleh kerajaan *Muwahhidun* pada abad keenam sehingga abad ketujuh Hijrah memperlihatkan senario keterbukaan masyarakat dalam berpegang kepada mazhab fiqh tertentu. Pengaruh ulama' Maliki mulai berkurangan selepas *al-Muwahhidun* mengambil alih kuasa pemerintahan daripada kerajaan *al-Murabitun*. Kemunculan Imam al-Qurtubi (m. 671H) yang telah menghasilkan karya tafsir *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* sedikit sebanyak telah mencerminkan fenomena pada era terbabit apabila beliau tidak bersikap fanatik kepada mazhab Maliki, bahkan adakalanya beliau mentarjih pandangan mazhab lain sungguhpun beliau merupakan pakar fiqh Maliki dan pentafsiran beliau beraliran *fiqh al-Maliki*.<sup>64</sup> Ibn Rushd<sup>65</sup>(m. 594H) yang merupakan seorang ahli falsafah Islam tersohor bermazhab Maliki di Andalus pada era *Muwahhidun* pula telah menyokong perkembangan mazhab *zahiri* di Andalus pada era *al-Muwahhidun*, sekaligus mazhab tersebut sedikit sebanyak telah mengakis pengaruh mazhab

<sup>59</sup> Rumi, Fahd Ibn 'Abd al-Rahman Ibn Sulayman, al-(1996), *op.cit.*, h. 198.

<sup>60</sup> *Ibid.*

<sup>61</sup> Muhammad 'Abd al-Hamid 'Isa(1982), *op. cit.*, h. 179.

<sup>62</sup> Rumi, Fahd Ibn 'Abd al-Rahman Ibn Sulayman, al-(1996), *op.cit.*, h. 485.

<sup>63</sup> Masyini, Mustafa Ibrahim al-(1991), *Ibn al-'Arabi al-Maliki al-Ishbili wa Tafsiruhu Ahkam al-Qur'an*, c. 1. Beirut: Dar al-Jil, h. 276-278.

<sup>64</sup> Rumi, Fahd Ibn 'Abd al-Rahman Ibn Sulayman al-(1996), *op.cit.*, h. 200.

<sup>65</sup> Ibn Rushd merupakan seorang tokoh falsafah Islam di Andalus pada abad keenam Hijrah. Beliau telah menghafaz al-Qur'an sejak berumur 10 tahun, dan turut menghafaz kitab *al-Muwatta'*. Beliau juga pernah menjawat jawatan kadi di Seville, Andalus. Antara pengikut dan anak muridnya yang terkenal ialah Ibn Khaldun. Sila lihat Ibn Rushd, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad(1982), *op. cit.*, h. 6.

Maliki.<sup>66</sup> Ini ditambah pula dengan dokongan pemerintah *al-Muwahhidun* seperti 'Abd al-Mu'min yang berusaha mengembangkan pengaruh *madrasah zahiriyyah* di masjid-masjid, dalam waktu yang sama perkembangan aliran falsafah juga berlangsung dengan begitu rancak.<sup>67</sup> Penglibatan Ibn Rushd dalam mengetengahkan idea falsafah telah melahirkan satu corak baru dalam pemikiran masyarakat Andalus. Cetusan aliran pemikiran oleh Ibn Rushd yang dipengaruhi oleh idea falsafah dapatlah dijelajuri menerusi beberapa tafsiran beliau terhadap ayat-ayat *kawniyyat*,<sup>68</sup> yang akhirnya melahirkan satu bentuk aliran tafsir yang dipanggil sebagai *tafsir falsafi*.

Dalam pentafsiran ayat-ayat *kawniyyat* yang berkaitan persoalan kewujudan alam, Ibn Rushd telah menegaskan bahawa alam itu adalah makhluk yang baharu dan bukan azali. Berikut merupakan contoh yang dapat dilihat mengenai pentafsiran beliau yang telah dimuatkan dalam karyanya, *Fastl al-Maqal wa Taqrir Ma bayna al-Syari'ah wa al-Hikmah min al-Ittisal* mengenai terdapat kewujudan lain sebelum kewujudan alam. Firman Allah S.W.T.:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سَتَةِ أَيَّامٍ وَكَارَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ

Maksudnya: “Dan Dialah yang menjadikan langit dan bumi dalam enam masa, sedang ‘arasy-Nya, berada di atas air.” Surah Hud (11): 7

Beliau membidas ahli kalam yang mendakwa bahawa alam itu azali dengan mengemukakan hujah berdasarkan ayat di atas. Mengenai ayat di atas, Ibn Rushd menyatakan bahawa dengan melihat kepada makna zahir ayat tersebut, ia menunjukkan bahawa terdapat kewujudan lain sebelum kewujudan alam, iaitu ‘arasy dan air. Pentafsiran yang dilakukan oleh beliau menunjukkan bahawa beliau merupakan tokoh falsafah yang melandasi aliran pemikiran *al-Ra'y al-Falsafi*.<sup>69</sup>

Kerajaan *Muwahhidun* juga tidak ketinggalan membenihkan pertumbuhan aliran *Tafsir al-Sufi* di Andalus. Ibn 'Arabi (m. 638H) merupakan salah seorang *mufassir* Andalus yang sering ditonjolkan sebagai seorang sufi dan tokoh pemikir falsafah. Pentafsiran al-Qur'an yang dilakukan oleh Ibn 'Arabi adalah berlandaskan manhaj *Tafsir al-Sufi al-Nazari*.<sup>70</sup> Namun begitu, terdapat juga elemen-elemen pentafsiran

<sup>66</sup> Salmah Omar(2009), *op. cit.*, h. 24.

<sup>67</sup> Muhammad 'Abd al-Hamid 'Isa(1982), *op. cit.*, h. 178.

<sup>68</sup> Ayat-ayat *kawniyyat* ialah ayat-ayat yang menyentuh perbahasan mengenai ciptaan Allah s.w.t. *Al-Kawniyyah* membawa pengertian alam yang wujud. Sila lihat Ahmad Mukhtar, et.al (t.t), *al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam*, c. 4, Beirut: Dar al-Masyruq, h. 704. Perbincangan mengenai ayat-ayat *kawniyyat* lazimnya akan melibatkan pentafsiran dari sisi pandang sains Islam.

<sup>69</sup> Ibn Rushd, Muhammad Ibn Ahmad(1986), *Kitab Fastl al-Maqal wa Taqrir Ma bayna al-Syari'ah wa al-Hikmah min al-Ittisal*, Beirut: Dar al-Mashriq, c. 2, h. 42.

<sup>70</sup> *Tafsir al-Sufi al-Nazari* bermaksud pentafsiran yang berasaskan penyelidikan teori dan ilmu falsafah. Lazimnya golongan yang menggunakan metodologi ini melihat pentafsiran al-Qur'an seiring dengan teori yang dibawa oleh mereka dan bertepatan dengan keilmuan mereka. Ia juga dikenali sebagai *tafsir*

*al-Sufi al-Isyari*<sup>71</sup> dalam karya tafsirnya.<sup>72</sup> Menurut Haji Khalifah di dalam kitabnya, *Kasyf al-Zunun*, Imam Ibn ‘Arabi telah mengarang kitab tafsir mengikut pendekatan ahli *tasawwuf* dalam beberapa jilid yang besar, dan dikatakan tafsirnya telah dimuatkan di dalam 60 kitab yang besar sehingga ke surah al-Kahfi.<sup>73</sup> Setelah penulis melakukan tinjauan mengenai karya tafsir Ibn ‘Arabi, penulis mendapati bahawa beliau telah menghasilkan beberapa karya tafsir yang boleh didapati kini, antaranya:

1. *Tafsir al-Qur'an al-Karim* – Terbitan Dar al-Yaqazah al-'Arabiyyah, Beirut, tahun 1968. Ia merupakan tafsir lengkap 30 juzu' dan mengandungi dua jilid.
2. *'Aja'ib al-'Irfan fi al-Tafsir Ijaz al-Bayan fi al-Tarjamah 'an al-Qur'an* – Terbitan Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, tahun 2007. Ia merupakan sebuah kitab tafsir dari surah al-Fatihah sehingga surah al-Baqarah dan hanya mengandungi satu jilid.<sup>74</sup>

Di dalam menghasilkan karya beraliran tafsir sufi, terdapat sebuah doktrin *tasawwuf* yang sering disandarkan kepada Ibn ‘Arabi iaitu doktrin *wihdah al-wujud*. Doktrin ini mempunyai pengertian yang berbeza-beza dalam kalangan ulama' sendiri.<sup>75</sup> Kepelbagaiannya tanggapan untuk memahami konsep ini menyebabkan lahirnya pelbagai hukum terhadap konsep ini, sama ada hukum yang mengharamkannya atau hukum yang mengharuskannya dan menganggapnya sebagai satu konsep yang tidak bercanggah dengan Islam.<sup>76</sup> Kewujudan pemahaman yang berbeza mengenai konsep *wihdah al-wujud* ini telah membawa kritikan dan bangkangan dalam kalangan ulama' sendiri. Golongan 'ulama' yang membangkang, dan mengkritiknya, bahkan menyesatkannya antara lain ialah Imam Ibn Taymiyah, dan Imam Qadi 'Iyad.<sup>77</sup> Walau bagaimanapun, terdapat juga golongan ulama' yang menyokong pendapat-pendapat Ibn ‘Arabi, mempertahankan beliau, serta membersihkan beliau daripada tuduhan-tuduhan palsu. Antaranya ialah, Imam Jalal al-Din al-Suyuti, dan Imam 'Abd al-Wahhab

---

falsafi. Sila lihat 'Abd al-Hamid al-Balali(1985), *al-Mukhtasar al-Musun min Kitab al-Tafsir wa al-Mufassirun*, c. 1. Kuwait: Dar al-Da'wah, h. 71, yang menghuraikan manhaj Ibn ‘Arabi di dalam tafsir al-Qur'an.

<sup>71</sup> *Tafsir al-Sufi al-Isyari* atau *al-Faydi* merupakan pentakwilan ayat al-Qur'an dengan melihat makna di sebalik ayat al-Qur'an mengikut kehendak isyarat-isyarat tersembunyi yang dizahirkan kepada ahli ilmu, dan pentafsiran yang dilakukan perlulah mempunyai perkaitan dengan zahir ayat.

<sup>72</sup> Dhahabi, Muhammad Hussayn al-(2000), *op. cit.*, j.2, h. 447.

<sup>73</sup> Haji Khalifah(1990), *Kasyf al-Zunun 'an Asma' al-Kutub wa al-Funun*. Beirut: Dar al-Fikr, j. 1, h. 233.

<sup>74</sup> Ibn ‘Arabi, Muhy al-Din Muhammad Ibn ‘Ali(2007), *'Aja'ib al-'Irfan fi al-Tafsir Ijaz al-Bayan fi al-Tarjamah 'an al-Qur'an*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 4.

<sup>75</sup> Sulaiman Ibrahim(2004), *Al-Syaykh Ibn 'Arabiyy dan Pemikiran Wahdat al-Wujud: Kemantapan Rohani Penjana Negara Maju*, c. 1. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, h. 111.

<sup>76</sup> *Ibid.*

<sup>77</sup> Badri Khaeruman(2004), *op. cit.*, h. 149.

al-Syi'rani.<sup>78</sup> Aliran *wihdah al-wujud* tidak dapat dikaitkan dengan *tasawwuf* Ibn 'Arabi melainkan dengan memetik beberapa petikan tulisan beliau yang kemudiannya dipadankan dengan huraian yang bersesuaian dengan semangat aliran *wihdah al-wujud*. Antara petikan beliau yang dikaitkan dengan aliran *wihdah al-wujud* ialah “tidak ada di dunia selain Allah”, “*al-Wujud* itu semuanya satu”, dan “tidak ada di dalam *al-Wujud* melainkan Allah”.<sup>79</sup>

Pemikiran Ibn 'Arabi mengenai konsep kewujudan ialah penekanan beliau terhadap *al-Wujud al-Haq* iaitu hanya Allah s.w.t sahaja yang wujud secara hakiki, manakala selain-Nya hanyalah *wujud khayali*, atau dengan kata lain, beliau menggambarkan bahawa Allah s.w.t adalah zat *al-Wujud al-Haq*, dan wujud makhluk hanyalah bayangan kepada *al-Wujud al-Haq*.<sup>80</sup> Ibn 'Arabi berpendapat bahawa segala yang wujud adalah dari hakikat yang satu, tidak ada penduaan dan pembilangan. Pengaruh doktrin *wihdah al-wujud* yang dinisbahkan kepada Ibn 'Arabi bukan sahaja telah meresap masuk ke dalam amalan sebilangan besar masyarakat Andalus pada ketika itu, malah ia telah berjaya mempengaruhi sebahagian besar masyarakat Nusantara sehingga kini, antaranya melalui penulisan-penulisan puisi yang digubah oleh seorang tokoh Nusantara terkemuka, Hamzah Fansuri.<sup>81</sup>

Melihat kepada aspek demografi, apabila menyingkap pensejarahan perkembangan aliran tafsir yang memberi impak kepada corak pentafsiran al-Qur'an di Andalus, tinjauan penulis mendapati bahawa kota Cordova yang terletak di selatan Andalus merupakan sebuah kawasan yang menjadi pusat perkembangan aliran falsafah dan mantiq, justeru kemunculan Ibn Rushd di kawasan tersebut secara tidak langsung telah mencorakkan pentafsiran al-Qur'an berasaskan falsafah. Manakala aliran *fiqh al-Maliki* kelihatan begitu dominan di kawasan Seville yang berlokasi di barat daya Andalus. Maka, penulis mendapati bahawa kebanyakannya kadi-kadi terkemuka di Andalus termasuk Ibn al-'Arabi dan Ibn Rushd memulakan khidmat sebagai kadi bermazhab Maliki di Seville di samping Ibn al-'Arabi sendiri telah membesar di kawasan tersebut.<sup>82</sup> Daerah Murcia yang terletak di tenggara Andalus pula didominasi oleh pengaruh aliran sufi yang dicetuskan oleh Ibn 'Arabi dan Ibn Sab'in. Sejarah juga telah merakamkan bahawa daerah Granada yang berpengkalan di selatan Andalus serta berhampiran kota Cordova merupakan salah sebuah pusat awal kepada perkembangan aliran ilmu Bahasa Arab. Perkembangan pengajian Bahasa Arab mencapai kegemilangannya pada akhir-akhir era pemerintahan *al-Muwahhidun*

<sup>78</sup> Sulaiman Ibrahim(2004), *op.cit.*, h. 111.

<sup>79</sup> *Ibid.*, h. 113.

<sup>80</sup> Ibn 'Arabi, Muhy al-Din Muhammad Ibn 'Ali (t.t.), *Fusus al-Hikam*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, j. 1, h. 104.

<sup>81</sup> Haji Mohamad Bohari Haji Ahmad(1989), “The Ideas of Wahdat al-Wujud in The Poetry of 'Abd al-Qadir Bidil (Persian), Ibrahim Hakki Erzurumlu (Ottoman Turkish), and Hamzah Fansuri (Malay)”, (Tesis Doktor Falsafah, Department of Near Eastern Studies, University of California), h. 352.

<sup>82</sup> Dhahabi, Muhammad Hussayn al-(2000), *op. cit.*, j. 2, h. 483.

apabila seorang tokoh tafsir terkemuka, Abu Hayyan al-Andalusi<sup>83</sup> (m. 745H) telah menghasilkan karya tafsir 30 juzu' berorientasikan aliran bahasa Arab.<sup>84</sup> Kesemua aliran-aliran terbabit telah mampu dikembangkan dengan begitu baik sungguhpun di dalam satu pemerintahan dan abad yang sama, dan di dalam satu wilayah yang sama iaitu di Andalus.

### Keunikian dalam Variasi Aliran Tafsir

Variasi aliran tafsir pada era kerajaan *Muwahhidun* telah memaparkan keunikannya yang eksklusif. Kepelbagaiannya aliran tafsir dominan yang muncul pada era kerajaan *Muwahhidun* telah berjaya mempengaruhi pemikiran masyarakat Andalus<sup>85</sup> dan juga umat Islam keseluruhannya meskipun di dalam satu period, satu wilayah, dan satu kerajaan yang sama. Ini terbukti dengan kelahiran tokoh-tokoh tafsir yang muktabar di Andalus pada era terbabit selain mereka juga mempelopori aliran tafsir yang berbeza antara satu sama lain. Setiap aliran yang dicetuskan oleh tokoh-tokoh tafsir tersebut mempunyai pendokong dan pengikut yang ramai sehingga kini. Karya-karya tafsir yang dihasilkan oleh para *mufassir* Andalus pada era kerajaan *Muwahhidun* ternyata menjadi rujukan utama dalam pengajian ilmu tafsir sehingga ke hari ini.

Umpamanya, Ibn al-'Arabi telah mengetengahkan aliran *Tafsir al-Fiqh al-Maliki* yang dimanifestasikan di dalam karya tafsir beliau, *Ahkam al-Qur'an*. Karya *Ahkam al-Qur'an* ini telah dijadikan panduan asas kepada mereka yang menelusuri ayat-ayat hukum dalam kerangka mazhab Maliki. Ibn 'Atiyyah pula telah menjelajuri aliran *tafsir bi al-Ma'thur* di dalam karya tafsirnya, *al-Muharrar al-Wajiz*. Nyatanya karya tafsir beliau telah menjadi sebuah kitab rujukan *tafsir bi al-Ma'thur* yang utama dalam pengajian ilmu tafsir semasa.<sup>86</sup> Aliran *Tafsir al-Sufi* turut diperkenalkan oleh Ibn 'Arabi dengan memuatkan konsep *wihdah al-wujud* ketika mentafsirkan ayat-ayat yang berkaitan di dalam karya beliau, *Tafsir al-*

<sup>83</sup> Beliau ialah Muhammad Ibn Yusuf Ibn 'Ali Ibn Yusuf Hayyan al-Andalusi al-Gharnati. Dilahirkan di Granada, Andalus pada tahun 654 Hijrah. Digelar sebagai Athir al-Din oleh sebahagian besar masyarakat Arab timur. Merupakan pakar bahasa, ahli tafsir, *muhaddith*, dan ahli sejarah. Abu Hayyan turut terkenal dengan penghasilan syairnya yang begitu banyak. Manakala mazhabnya pula tidak tetap pada peringkat permulaan kehidupannya. Ketika beliau berada di Andalus, beliau berpegang kepada mazhab Maliki kerana rata-rata penduduk Andalus bermazhab Maliki, kemudian beliau berpegang kepada mazhab *zahiri* yang kian berkembang di Andalus ketika zamannya, dan akhirnya beliau berpegang kepada mazhab Syafi'i selepas menuntut ilmu di Mesir. Antara guru-gurunya ialah Abu Ja'far Ibn al-Tiba' yang mengajarnya dalam bidang *qira'at*. Manakala di bidang hadith, beliau telah menuntut ilmu dengan syaykh al-Dimyati, al-Qutb al-Qastalani dan lain-lain. Dalam bidang tafsir, antara karya yang telah dikarang oleh beliau ialah *Al-Bahr al-Muhit fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Beliau turut menghasilkan karya *Al-Asfar al-Mulakhkhas min Kitab al-Sighar* yang merupakan kitab syarah bagi *Kitab al-Tajrid* yang dikarang oleh Sibawayh. Dalam ilmu *qira'at* pula, beliau telah mengarang *al-Nafi' fi Qira'at Nafi'*, *al-Athir fi Qira'at Ibn Kathir*, dan sebagainya. Sila lihat Muslim Ali Ja'far (1980), *Manahij al-Mufassirin*, c. 1, t.p: Dar al-Kutub li al-Tiba'ah wa al-Nasyr, h. 129.

<sup>84</sup> *Ibid.* j. 1, h. 326.

<sup>85</sup> Muhammad 'Abd al-Hamid 'Isa (1982), *op. cit.*, h. 178.

<sup>86</sup> Dhahabi, Muhammad Hussayn al-(2000), *op. cit.*, j. 1, h. 214.

*Qur'an al-Karim*. Kesufian dan konsep *wihdah al-wujud* yang dibawa olehnya tersebar dan sehingga mempengaruhi golongan-golongan pemuisi berbangsa Parsi, Turki, dan Urdu.<sup>87</sup> Idea falsafah Ibn Rushd di dalam mentafsirkan beberapa ayat al-Qur'an yang terdapat di dalam penulisan-penulisan beliau juga telah dijadikan panduan sebahagian besar umat Islam bahkan juga golongan orientalis barat sehingga ke hari ini.<sup>88</sup>

Pemupukan toleransi akademik pada era kerajaan *Muwahhidun* juga dapat diperhatikan menerusi kebebasan yang diberikan oleh kerajaan dalam mengembangkan idea falsafah di samping menerapkan elemen-elemen pengajian mazhab *zahiri*. Golongan pemikir dikatakan telah muncul pada setiap kawasan kecil di Andalus, perbincangan ilmiah kerap dijalankan di istana-istana dalam kalangan pemerintah dan para pembesar, pengajian-pengajian ilmu berlangsung di istana dan rumah pembesar,<sup>89</sup> sesi kritikan positif dan perdebatan terbuka sering dijalankan di antara golongan cendekiawan sehingga ia telah menjadi suatu rutin harian bagi masyarakat Andalus pada era terbabit.<sup>90</sup> Namun begitu, terdapat juga beberapa penentangan yang dilakukan oleh kerajaan *Muwahhidun* di bawah pemerintahan Abu Yusuf Ya'qub terhadap golongan yang mendokong kuat mazhab Maliki pada sekitar tahun 580 Hijrah sehingga 595 Hijrah, apabila beliau telah mengeluarkan arahan agar buku-buku bermazhab Maliki dibakar, bahkan beliau menjatuhkan hukuman keras bagi sesiapa yang mendokong kuat mazhab Maliki<sup>91</sup>. Walau bagaimanapun, penulis berpandangan bahawa penentangan yang dilakukan oleh pemerintah Abu Yusuf Ya'qub hanyalah ditujukan kepada mereka yang bersikap ta'asub kepada mazhab Maliki yang tidak meraikan pandangan mazhab lain memandangkan beliau tidak pula menjatuhkan hukuman kepada Ibn Rushd yang sememangnya merupakan tokoh besar bermazhab Maliki kerana keterbukaan Ibn Rushd dalam mengetengahkan idea falsafah dan sokongan beliau terhadap perkembangan mazhab *zahiri*.

Kebebasan dalam mengemudi dan menebarkan aliran tafsir juga dapat diperhatikan menerusi sikap berlapang dada yang ditonjolkan oleh Ibn Rushd yang mempelopori idea falsafah ketika berhadapan dengan Ibn 'Arabi yang membawa gagasan idea *tasawwuf* di dalam tafsiran beberapa ayat al-Qur'an. Ibn 'Arabi pernah bertemu Ibn Rushd dan menegurnya mengenai konsep rasionaliti bahawa penyelidikan yang rasional tidaklah memadai untuk menggapai pengetahuan yang sempurna tentang Tuhan dan dunia.<sup>92</sup> Ibn Rushd yang pada

<sup>87</sup> Wiliam C. Chittick(2006), *Ibn 'Arabi Heir to The Prophets*, c. 1.Oxford: Oneworld Publications, h. 3.

<sup>88</sup> Dominique Urvoay(2000), *Ibn Rushd (Averroes) (Perjalanan Intelektual Ibn Rusyd (Averroes))*, Achmad Syahid, Drs.(Terj.), Surabaya: Risalah Gusti, h. 207.

<sup>89</sup> Muhammad 'Abd al-Hamid 'Isa(1982), *op. cit.*, h. 202 & 207.

<sup>90</sup> *Ibid.*, h. 178.

<sup>91</sup> *Ibid.*, h. 179.

<sup>92</sup> Wiliam C. Chittick(2001), *Dunia Imaginal Ibnu 'Arabi, Kreativitas Imaginasi dan Persoalan Diversitas Agama*, Achmad Syahid (Terj.), c. 1. Surabaya: Penerbit Risalah Gusti, h. 2.

ketika itu berusia 55 tahun telah menerima teguran tersebut dengan hati yang terbuka meskipun teguran tersebut dilontarkan oleh Ibn 'Arabi yang hanya berusia belasan tahun pada saat itu. Dalam pada itu juga, kemunculan karya tafsir *al-Jami'* *li Ahkam al-Qur'an* oleh Imam al-Qurtubi pada pertengahan abad ketujuh Hijrah menyaksikan pembaharuan minda mengenai elemen keterbukaan telah ditonjolkan oleh Imam al-Qurtubi yang mewakili suara barisan ulama' fiqh bermazhab Maliki pada era terbabit<sup>93</sup> lantaran kerajaan *Muwahhidun* telah mengambil sikap lebih demokratik di dalam memperkasakan keilmuan, kebebasan berfikir, dan penjanjana fungsi akal.

Perkembangan aliran tafsir juga memperlihatkan bahawa terdapat aliran tafsir telah mendominasi fasa-fasa waktu tertentu di Andalus tanpa mengongkong perkembangan aliran lain, dan perkembangan aliran tafsir tersebut telah berlangsung secara bervariasi. Menurut pengamatan penulis, pada abad ketiga hingga keenam Hijrah, perkembangan aliran tafsir lebih menjurus kepada aliran *Tafsir Fiqh al-Maliki* dan aliran *Tafsir al-Athari*. Pembukaan wilayah Andalus pada era kerajaan *Muwahhidun* pada abad keenam Hijrah telah membuka dimensi baru kepada pertumbuhan aliran tafsir dalam mengadaptasikan kebebasan akal tanpa mengabaikan pendekatan *naqal*, lalu melahirkan satu corak baru dalam aliran tafsir iaitu aliran *Tafsir al-Falsafi* dan aliran *tafsir al-Sufi*. Pada waktu yang sama juga, perkembangan aliran *Tafsir al-Fiqhi* tetap berjalan dengan baik. Melalui kaca mata penulis, penulis mendapati lipatan sejarah turut merakamkan bahawa pada akhir-akhir pemerintahan kerajaan *Muwahhidun* sehingga pada fasa-fasa awal pemerintahan kerajaan *Nasriyyah*<sup>94</sup> di Cordova iaitu pada pertengahan abad ketujuh Hijrah, maka lahirlah pula pentafsiran bercorak *lughawi*, iaitu pentafsiran yang menggunakan kaedah bahasa Arab dalam menghuraikan pemahaman sesuatu ayat al-Qur'an. Justeru, di dalam era kerajaan *Muwahhidun*, terdapat beberapa aliran tafsir dominan telah berjaya dikembangkan dengan begitu cemerlang secara bervariasi iaitu aliran *Tafsir al-Athari*, aliran *Tafsir al-Fiqhi*, aliran *Tafsir al-Sufi*, aliran *Tafsir al-Falsafi*, dan akhir sekali ialah aliran *Tafsir al-Lughawi*. Senario ini berlaku bertitik-tolak daripada sifat keterbukaan dan toleransi kerajaan *Muwahhidun* pada era terbabit.

## Kesimpulan

Variasi aliran tafsir di Andalus pada era pemerintahan kerajaan *Muwahhidun* telah menyaksikan ciri-ciri keistimewaan dan keunikannya yang eksklusif. Nama-nama tokoh Andalus seperti Ibn al-'Arabi, Ibn 'Atiyyah, Ibn Rushd, Ibn 'Arabi, Imam al-Qurtubi, dan sebagainya sememangnya tidak asing lagi sebagai barisan tokoh

<sup>93</sup> Masyini, Mustafa Ibrahim al-(1986), *op. cit.*, h. 508.

<sup>94</sup> Kerajaan *Nasriyyah* merupakan kerajaan kecil yang paling lama memerintah di Andalus di Granada. Ia merupakan kerajaan Islam terakhir yang bertapak di Andalus bermula pada tahun dari tahun 629 Hijrah sehingga tahun 897 Hijrah. Pengasas bagi kerajaan ini ialah Muhammad Ibn Yusuf Ibn Ahmad yang berasal dari suku Bani Ahmar. Sila lihat Maruwiah Ahmat(2003), *op. cit.*, h. 83-84.

*mufassir*, tokoh cendekiawan agama, dan golongan ideologue tersohor dalam mengetengahkan aliran-aliran pemikiran yang mencorakkan variasi aliran tafsir pada era kerajaan *Muwahhidun*. Ternyata sumbangan mereka kepada perkembangan aliran pemikiran dan madrasah tafsir al-Qur'an tidak dapat disangkal lagi lantaran pengaruh yang dibawa oleh mereka terus-menerus berkembang bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam, malah ia turut mempengaruhi paradigma pemikiran tokoh-tokoh cendekiawan barat dan Eropah seperti Descrates, Aquinas, dan sebagainya.<sup>95</sup>

Pemugaran budaya ilmu telah diadaptasikan dan ia menjadi batu asas kepada pemacuan pembinaan peradaban dan ketamadunan Islam di Andalus pada era terbabit. Kecemerlangan aliran tafsir dalam meneroka spektrum kehidupan masyarakat Andalus pada era kerajaan *Muwahhidun* bertitik-tolak daripada satu elemen penting yang dipanggil sebagai “demokrasi intelektual”. Fenomena ini telah melonjakkan wilayah Andalus sebagai ikon terunggul di persada dunia sekaligus menjustikasikan Islam sebagai *al-Din* yang ideal, universal, praktikal, dan *rahmatan li al-'alamin*. Kepelbagaiannya pola pemikiran yang dimanifestasikan di dalam karya tafsir al-Qur'an di Andalus menyaksikan bahawa wilayah Iberia tersebut telah mencapai satu standard yang begitu unggul dalam aspek penghayatan budaya ilmu yang saling melengkapi antara satu sama lain. Toleransi dan keterbukaan yang wujud dalam kalangan para *mufassir* Andalus seharusnya di contohi bahkan diimplementasikan di dalam sistem pendidikan negara bagi menatihkan dinamika pendidikan yang sofistikated di peringkat nasional.

## Rujukan

Azdi, 'Abd Allah Ibn Muhamad Ibn Yusuf Ibn Nasir al-(1997), *Tarikh 'Ulama' al-Andalus*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

'Abd al-Hafiz Farghali 'Ali al-(1986), *Al-Syaykh al-Akbar Muhy al-Din Ibn al-'Arabi Sultan al-'Arifin*. Al-Qahirah: Al-Hai'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab

'Abd al-Halim Mahmud(1978), *Manahij al-Mufassirin*, c. 1. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misri

'Abd al-Hamid al-Balali (1985), *al-Mukhtasar al-Musun min Kitab al-Tafsir wa al-Mufassirun*, c. 1. Kuwait: Dar al-Da'wah

---

<sup>95</sup> Luce Lopez-Baralt(1994), "The Legacy of Islam In Spanish Literature", "The Legacy of Muslim Spain Jurnal", Salma Khadra Jayyusi (ed.), Leiden ; Boston : Brill, j. 1, h. 512. Lihat juga Majid Fakhry (2001), *Averroes Ibn Rushd: His Life, Works, and Influence*, Oxford; England: Oneworld Publication, h. 140.

‘Abd Allah Ibn Muhamad Ibn Yusuf Ibn Nasir (1997), *Tarikh ‘Ulama’ al-Andalus*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah

‘Abd al-Wahhab ‘Abd al-Wahhab Fayid (1973), *Manhaj Ibn ‘Atiyyah fi Tafsir al-Qur’an al-Karim*, Al-Hai’ah al-‘Ammah li Syu’un al-Matabi’ al-Amriyyah

‘Adnan Fa’iq ‘Anbatawi(1989), *Hikayatuna fi al-Andalus*, Beirut: al-Mu’assasah al-‘Arabiyyah li al-Dirasat wa al-Nasyr

‘Ali (2008), *Tabaqat al-Mufassirin*, ‘Ali Muhammad ‘Umar, Dr.(ed.), c. 2, al-Qahirah: Maktabah Wahbah

‘Ibadi, Ahmad Mukhtar al-(1978), *Fi Tarikh al-Maghrib wa al-Andalus*, c. 1. Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah al-Qahirah: Matba’ah Lajnah al-Ta’lif wa al-Tarjamah wa al-Nasyr

Badri Khaeruman (2004), *Sejarah Perkembangan Tafsir al-Qur'an*, t.t.p:

Dominique Urvoy (2000), *Ibn Rushd (Averroes) (Perjalanan Intelektual Ibn Rusyd (Averroes))*, Achmad Syahid, Drs.(Terj.), Surabaya: Risalah Gusti

Fauzi Deraman & Mustafa Abdullah (2006), *Pengantar Usul Tafsir*, c. 2. Penerbit Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Haji Khalifah(1990), *Kasyf al-Zunun ‘an Asma’ al-Kutub wa al-Funun*. Beirut: Dar al-Fikr, j. 1

Haji Mohamad Bohari Haji Ahmad(1989), “The Ideas of Wahdat al-Wujud in The Poetry of ‘Abd al-Qadir Bidil (Persian), Ibrahim Hakki Erzurumlu (Ottoman Turkish), and Hamzah Fansuri (Malay)”, (Tesis Doktor Falsafah, Department of Near Eastern Studies, University of California)

Hitti, P. K. (1970), *Islam: A Way of Life*, London: University of Minnesota Press

Ibn ‘Arabi, Muhy al-Din Muhammad Ibn ‘Ali (t.t.), *Fusus al-Hikam*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, j. 1

Ibn ‘Arabi, Muhy al-Din Muhammad Ibn ‘Ali (2007), *Aja’ib al-‘Irfan fi al-Tafsir Ijaz al-Bayan fi al-Tarjamah ‘an al-Qur’an*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah

Ibn Rushd, Muhammad Ibn Ahmad (1986), *Kitab Fasl al-Maqal wa Taqrir Ma bayna al-Syari’ah wa al-Hikmah min al-Ittisal*, Beirut: Dar al-Mashriq

Imam Fuadi (2005), *Pendidikan Islam Andalusia, Kajian Sejarah Islam Sepanyol*, Surabaya: Penerbit

Luce Lopez-Baralt (1994), “*The Legacy of Islam In Spanish Literature*”, “The Legacy of Muslim Spain Jurnal”, Salma Khadra Jayyusi (ed.), Leiden ; Boston : Brill, j. 1

Mahmoud Makki (1994), “*The Political History of al-Andalus (92/711-897/1492)*”, “*The Legacy of Muslim Spain Jurnal*”, Salma Khadra Jayyusi (ed.), Leiden ; Boston : Brill, j. 1

Majid Fakhry (2001), *Averroes Ibn Rushd: His Life, Works, dand Influence*, Oxford; England: Oneworld Publication

Mani’ `Abd al-Halim Mahmud (1978), *Manahij al-Mufassirin*, c. 1. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misri

Maruwiah Ahmat (2003), *Sejarah Bani Umayyah di Andalus*, Shah Alam: Karisma Publication

Masyini, Mustafa Ibrahim al- (1986), *Madrasah al-Tafsir fi al-Andalus*, c. 1. Beirut: Mu’assasah al-Risalah

Masyini, Mustafa Ibrahim al- (1991), *Ibn al-`Arabi al-Maliki al-Ishbili wa Tafsiruhu Ahkam al-Qur'an*, c. 1. Beirut: Dar al-Jil

Muhammad `Abd Allah `Inan (1964), *`Asr al-Murabitin wa al-Muwahhidin fi al-Maghrib wa al-Andalus*

Muhammad Hussayn al- (2000), *Al-Tafsir wa al-Mufassirun*, c. 1, Beirut: Dar al-Yusuf, j. 2

Muhammad Safa’ Syaikh Ibrahim Haqqi (2004), *Ulum al-Qur'an min Khilal Muqaddimat al-Tafasir*, c. 1. Beirut: Mu’assasah al-Risalah

Muraji’ `Aqilah al-Ghinay (1988), *Qiyam Dawlah al-Muwahhidin*, Naghazi, Afrika: Mansurat Jami`ah.

Rumi, Fahd Ibn `Abd al-Rahman Sulayman al- (1996), *Al-Sijl al-'Ilmi li al-Nadwah al-Andalus: Manhaj Al-Madrasah al-Andalusiyah fi al-Tafsir: Sifatuhu wa Khasa'isuh*, c. 1. Matbu`at Maktabah al-Malik `Abd al-'Aziz al-'Ammah

Sa`ud `Abd Allah al-Fanyasan (1997), *Ikhtilaf al-Mufassirin, Asbabuhu wa Atharuh*, c.1. Riyadh: Markaz al-Dirasat wa al-I'lam, h. 49.

Salmah Omar (2009), *Andalus; Semarak Tamadun Eropah*, Shah Alam: Karisma Publication

Sulaiman Ibrahim (2004), *Al-Saykh Ibn 'Arabiyy dan Pemikiran Wahdat al-Wujud: Kemantapan Rohani Penjana Negara Maju*, c. 1. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus

Tayyar, Musa'id Ibn Sulayman Ibn Nasir, al- (2006), *Al-Tafsir al-Lughawi li al-Qur'an al-Karim*, c. 2. Dar Ibn al-Jawzi

Tilmisani, Ahmad Muhammad al-Maqqari al- (1968), *Nafh al-Tib min Ghasn al-Andalus al-Ratib*, t.tp: Ihsan.

Wilam C. Chittick (2001), *Dunia Imajinal Ibnu 'Arabi, Kreativitas Imajinasi dan Persoalan Diversitas Agama*, Achmad Syahid (Terj.), c. 1. Surabaya: Penerbit Risalah Gusti

Wilam C. Chittick (2006), *Ibn 'Arabi Heir to The Prophets*, c. 1. Oxford: Oneworld Publications

Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim al- (t.t.), *Manahil al-Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*, Hani al-Haj (ed.), al-Qahirah: Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, j. 2